

26/09/2003

Berkayak keliling Semenanjung bukan semudah disangka

Dzulkafli Abas

SEJAK kejayaan Datuk Azhar Mansor dan terbaru Datuk Malik Mydin menyahut `Cabaran Malaysia Boleh', kini tampil lagi seorang rakyat Malaysia yang berhasrat untuk berkayak secara solo mengelilingi pantai Semenanjung selama 22 hari.

Ku Fozi Ku Husin, bapa kepada 10 anak, berusia 52, berhasrat untuk menterjemahkan `Malaysia Boleh' kepada generasi muda Malaysia bermula 1 Oktober ini. Saya percaya jika ramai lagi rakyat Malaysia yang bersemangat sebegini, pasti saranan untuk terus memartabatkan bangsa kita oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tercapai.

Ekspedisi kayak mengelilingi pantai Semenanjung pernah dijayakan pada penghujung 80-an oleh dua pendayung dari Persatuan Rekreasi Luar Wilayah Persekutuan yang mengambil masa 62 hari. Berdasarkan ekspedisi itu, timbul persoalan mengenai idea Ku Fozi untuk merealisasikan ekspedisi yang sama dalam jumlah hari yang lebih pendek.

Sehubungan itu, berdasarkan pelbagai fakta dan pengalaman bergiat aktif dalam aktiviti kayak selama 18 tahun pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, di sini saya ingin mengulas hasrat Ku Fozi itu.

Semenanjung dikelilingi persisiran pantai sepanjang 2,068 kilometer iaitu dari Pangkalan Kubur, Kelantan ke Kuala Perlis, Perlis. Jika Ku Fozi berhasrat untuk menamatkan ekspedisi itu dalam jangka masa 22 hari bermakna beliau harus berdayung sejauh 94 kilometer sehari tanpa sebarang hari rehat.

Berdasarkan anggaran laut yang tidak bergelora, dayungan tanpa henti (walaupun untuk rehat makan tengah hari) sejauh 94 km akan memakan masa antara 12 hingga 13 jam sehari dengan melakukan sebanyak 46,800 hingga 50,000 dayungan tanpa henti dan ini adalah perkara mustahil dapat dilakukan.

Saiz kayak dianggarkan "sea kayak" sepanjang 4 meter bergerak antara 2 hingga 4 knot sejam; 1 knot = 1 batu nautika = 1.852km.

Berdasarkan keadaan cuaca semasa dan musim tengkujuh di Pantai Timur (Oktober hingga Februari), mungkin beliau terpaksa berdayung selama lebih 16 jam akibat faktor angin, arus laut dan ombak besar.

Tanpa sebarang hari rehat spesifik, kesan aktiviti lasak sebegini akan mula menggugat sistem fisiologi badan, mengganggu tahap kecergasan dan mungkin mendatangkan mudarat kepada si pendayung seawal jangka masa 72 hingga 97 jam.

Teori-teori ini pula diperkukuhkan dengan pengalaman aktif saya sebagai peserta ekspedisi dan juga menganjur ekspedisi sama ada di tasik, sungai dan persisiran pantai dari 1986 hingga sekarang.

Sebagai contoh pengalaman kami setiap tahun sejak 1995 `ekspedisi di Tasik Kenyir' sejauh 50 km mengambil masa selama 7 jam 35 minit; Ekspedisi kami pada 1 Mei 2003 `Labuan Round Island' sejauh 50 km mengambil masa 8 jam 45 minit.

Rekod perlumbaan `Labuan International Kayak Race - Round Island 2003' adalah 6 jam 6 minit 11 saat. Inikan pula berdayung sejauh 94 km sehari selama 22 hari di pesisir pantai tanpa hari rehat.

Berdasarkan fakta itu, saya ingin mengajak Ku Fozi merenung sejenak perancangan ekspedisinya. Pelayar negara, Azhar Mansor pernah menegaskan bahawa perancangan adalah kunci utama kejayaan sesuatu ekspedisi dan beliau sendiri mengambil masa tiga tahun merancang pelayarannya, begitu juga Datuk Malik Mydin mengambil masa hampir tiga tahun iaitu perancangan dan latihan.

Sehubungan itu, sewajarnya Ku Fozi merenung kembali perancangan ekspedisi beliau terutama dari segi kesesuaian cuaca, jenis kayak yang akan digunakan, tahap kecergasan, dan yang paling penting sekali ialah

jumlah hari yang ditetapkan biarlah realistik.

Berdasarkan pendapat peribadi, ingin saya menegaskan bahawa untuk menamatkan dayungan sejauh 2,068 km dalam jangka masa 22 hari adalah suatu misi yang mustahil. Jangan pula demi untuk mencapai jumlah hari yang telah ditetapkan, pelbagai `muslihat' digunakan.

Saya berharap agar Ku Fozi tidak cepat melatah atau mengalah dengan hujah ini, tetapi mengambilnya sebagai pandangan ikhlas. Tulisan ini bukan niat saya untuk memperkecilkan usaha beliau bagi mencapai impian dan misi yang hendak dijayakan.

Saya juga percaya bahawa Persatuan Kenu Malaysia (MASCA) sebagai badan induk sukan kenu serta kayak negara tidak akan keberatan untuk membantu beliau dalam mencapai impian ini. Melalui perancangan rapi dan semangat yang tinggi, saya percaya bahawa sekali lagi laungan `Malaysia Boleh' akan bergema di persisiran pantai Semenanjung Malaysia.

DZULKAFI ABAS,
Kampung Gong Kapas,
Kuala Terengganu.